

21 JAN 2003

NAM-Arafat/I

M'SIA DIMINTA BINCANG DENGAN AMERIKA BAGI KEHADIRAN ARAFAT DI SIDANG KEMUNCNAK NAM KL

Oleh: R. Ravichandran

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Duta Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra mahu Malaysia berbincang dengan Amerika Syarikat untuk mendesak Israel agar membenarkan Presiden Yasser Arafat pergi ke Malaysia untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali Ke-13 (NAM) akan datang.

Ahmad berkata beliau berharap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengambil inisiatif untuk berbincang dengan Washington mengenai perkara itu.

Beliau berkata Amerika Syarikat, sebagai sekutu Israel di Tebing Barat mempunyai kedudukan untuk mendesak Tel Aviv bagi memastikan Arafat dapat datang dan balik ke Palestin dengan selamat.

Israel yang menduduki beberapa bandar dan bandaraya di Tebing Barat dan Gaza juga mengenakan beberapa peringkat larangan perjalanan kepada Arafat dan rakyat Palestin lain.

"Kami berharap Malaysia akan melakukannya. Perdana Menteri (Dr Mahathir) patut berbuat demikian, berbincang dengan Amerika Syarikat, untuk membenarkan Arafat (datang ke sini)," katanya kepada Bernama semasa ditanya mengenai kemungkinan Arafat menghadiri sidang kemuncak enam hari dijadual dari 20 hingga 25 Feb di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Kepada satu soalan, Ahmad berkata Amerika Syarikat sebagai negara yang memainkan peranan utama dalam proses damai di Asia Barat juga perlu menjamin bahawa Arafat dapat kembali dengan selamat ke Palestin selepas menghadiri sidang kemuncak itu.

Duta itu berkata demikian semasa ditanya mengenai kemungkinan Israel tidak akan membenarkan Arafat kembali ke Palestin, dengan itu memaksanya berada dalam buangan.

"Israel boleh mengkhianati sesiapa sahaja," kata Ahmad.

Ahmad berkata beliau telah bercakap dengan Arafat minggu lepas dan pemimpin Palestin itu telah mengesahkan bahawa beliau akan mengetuai delegasi Palestin ke Sidang Kemuncak NAM KL jika tiada masalah untuk beliau pergi ke Malaysia.

"Kami menganggap Arafat mengetuai delegasi Palestin kami dan ini merupakan perkara biasa. Tetapi pada hakikatnya...Arafat kini bukan seorang yang bebas. Kami akan cuba dan kami berharap NAM akan mendesak untuk memaklumkan Israel dan Amerika Syarikat agar Arafat dapat mengetuai delegasi Palestin," katanya.

Kehadiran Arafat akan membolehkan pemimpin Palestin itu memberikan perkembangan terbaru proses damai itu, kezaliman dan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin kepada anggota dan pemimpin NAM.

Pemimpin berusia 74 tahun itu yang telah menghabiskan seluruh hidupnya demi Palestin merupakan simbol bagi rakyatnya dalam perjuangan mereka untuk menamatkan hampir 50 tahun penjajahan Israel di bumi Arab dan Palestin.

Ibu pejabat Arafat di Bandaraya Ramallah di Tebing Barat telah dikepung oleh tentera Israel dari 29 Mac hingga 2 Mei tahun lepas, yang telah mendapat kutukan daripada masyarakat antarabangsa.

Pada September tahun yang sama, ibu pejabat beliau sekali lagi dikepung lebih 10 hari. Pada ketika itu, Arafat telah meminta bantuan Dr Mahathir untuk menamatkan kepungan itu dan Dr Mahathir kemudiannya telah menulis surat kepada pemimpin-pemimpin terkemuka dunia seperti Presiden Perancis Jacques Chirac berhubung perkara itu.

Malaysia adalah penyokong kuat perjuangan rakyat Palestin, memberikan

sokongan moral kepada kepimpinan dan rakyatnya, sokongan diplomatik dan bantuan kemanusiaan.

Lebih 2,000 rakyat Palestin dan lebih 700 rakyat Israel telah terkorban dalam pertempuran Intifada yang berlanjutan, yang tercetus ekoran lawatan Perdana Menteri Israel Ariel Sharon ke tapak yang menjadi pertikaian di Timur Baitulmaqdis pada 28 Sept 2000.

Untuk berita berkaitan NAM, sila layari www.nam2003.com

-- BERNAMA

RV MFJ RHM